

# Kekal 50 Warisan Kebangsaan

UM : 7/7/2007

Oleh FAUZI JAAFAR

**KUALA LUMPUR** 6 Julai - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) buat pertama kalinya hari ini mengisytiharkan 50 Warisan Kebangsaan yang akan dipelihara dan dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang.

Warisan Kebangsaan tersebut bukan sahaja merangkumi warisan tapak iaitu warisan yang terbina dan alam semula jadi, tetapi juga warisan objek serta warisan tidak ketara seperti lagu serta tarian.

Antara 50 Warisan Kebangsaan itu ialah Masjid Negara dan Makam Pahlawan, Bangunan Parlimen, Tugu Negara, Jalur Gemilang, Bunga Raya, Perak Man, Lagu Negaraku, Mak Yong, dan tarian singa atas tiang.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, pengisytiharan tersebut telah menempatkan negara ini sebagai salah satu daripada 10 negara yang mempunyai kemudahan dan penghormatan memelihara warisan mereka seperti yang dilakukan oleh Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman, Australia dan New Zealand.

"Pada awalnya kita telah mencadangkan lebih kurang 500 perkara meliputi bangunan, struktur dan alam semula jadi untuk disenaraikan sebagai Warisan Kebangsaan, tetapi pada saat ini kita umumkan 50 dulu," katanya.

Rais berkata demikian pada sidang akhbar sempena Majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan dan Pelancaran Sistem Daftar Warisan di bangunan Parlimen di sini.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Masnah Rais; Pesuruhjaya Warisan, Jabatan Warisan Negara, Profesor Datuk Zuraina Majid; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh.

Menurut Rais, kementeriannya akan mengadakan program pendidikan warisan kepada pelajar-pelajar sekolah, golongan mahasiswa dan ketua kampung supaya golongan itu boleh menilai, memahami dan mengerti warisan negara.

Beliau juga mengumumkan hasrat kementerian untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa

**Pada awalnya kita telah mencadangkan lebih kurang 500 perkara meliputi bangunan, struktur dan alam semula jadi untuk disenaraikan sebagai Warisan Kebangsaan**

**DR. RAIS YATIM**  
Menteri Kebudayaan,  
Kesenian dan Warisan

Bersatu (UNESCO) supaya badan dunia itu mengiktiraf segera status Pulau Pinang dan Melaka sebagai tapak warisan.

"Kementerian juga sedang menyusun langkah-langkah tertentu agar status Pulau Pinang dan Melaka disegerakan pengiktirafannya," tambah beliau.

KeKKWa, jelas Rais, pernah menyuarakan agar penilaian tapak warisan bertaraf dunia mengambil kira standard sesebuah negara.

"Sepatutnya negara seperti China, Malaysia, Indonesia dan India berpakat untuk menentukan standard sendiri tetapi cadangan itu memakan masa untuk dilaksanakan. Bagaimanapun, China setuju dengan idea tersebut," katanya.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, KeKKWa bercadang untuk membina monumen pemimpin-pemimpin negara seperti monumen Tun Ghafar Baba dan bekas-bekas Perdana Menteri yang akan dimasukkan dalam Akta Warisan.

Mengulas mengenai sambutan kemerdekaan negara, beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan Kempen Jalur Gemilang di Melaka pada 17 Julai ini.

"Ia dibuat secara besar-besaran termasuk pengisian aktiviti seperti menghayati kembali sejarah kepulungan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dari London selepas rundingan kemerdekaan.

"Kementerian turut mengetengahkan 14 orang yang mempunyai nama Merdeka yang akan berpeluang bertemu dengan Perdana Menteri," tambahnya.

Rais memberitahu, turut diadakan ialah jamuan teh istimewa untuk para pembesar luar negara, ketua-ketua negara Komanwel dan wakil Ratu Elizabeth dari Britain.

Selain itu, katanya, rapat merdeka raksaksa akan diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada malam 31 Ogos 2007 yang melibatkan semua raja-raja Melayu dan para pembesar luar negara. Dalam acara itu, Perdana Menteri akan menyampaikan amanatnya.

## SENARAI 50 WARISAN KEBANGSAAN

### Bangunan dan Tapak

1. Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur (Jalan Parlimen, Kuala Lumpur).
2. Istana Negara (Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur).
3. Tapak Tiang Bendera Malaya Dinaikkan Buat Pertama Kali (Dataran Merdeka, Kuala Lumpur).
4. Bangunan Sultan Abdul Samad (Jalan Raja, Kuala Lumpur).
5. Bangunan Dewan Bandaraya dan Panggung Bandaraya (Jalan Raja, Kuala Lumpur).
6. Bangunan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur (Jalan Istana, Kuala Lumpur).
7. Bangunan Ibu Pejabat Keretapi Tanah Melayu (Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur).
8. Bangunan Pejabat Pos Besar (Jalan Raja, Kuala Lumpur).
9. Bangunan Jabatan Kerja Raya (PWD) (Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur).
10. Bangunan Residensi (Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur).
11. Masjid Negara dan Makam Pahlawan (Jalan Perdana, Kuala Lumpur).
12. Carcosa Seri Negara (Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur).
13. Batu Caves (Selangor).
14. Gereja St. George (Pulau Pinang).
15. Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur.
16. Tugu Negara (Jalan Parlimen, Kuala Lumpur).
17. Taman Negara Kinabalu (Sabah).
18. Taman Negara Mulu (SaraWak).

### Objek

19. Jalur Gemilang.
20. Jata Negara.
21. Panji-Panji Diraja.
22. Keris Panjang Diraja.
23. Tengkolok Diraja.
24. Gandik Diraja.
25. Pending Diraja.
26. Keris Pendek Diraja.
27. Kalung Diraja.
28. Cogan Agama.
29. Cogan Alam.
30. Cokmar.
31. Cokmar Dewan Rakyat.
32. Cokmar Dewan Negara.
33. Bunga Raya.
34. Manuskrip Sejarah Melayu.
35. Hukum Kanun Melaka.
36. Manuskrip Hikayat Hang Tuah.
37. Watak Pengisytiharan Kemerdekaan.
38. Perak Man.

### Warisan Kebudayaan Tidak Ketara

39. Lagu Negaraku.
40. Makyung.
41. Wayang kulit.
42. Bangsawan.
43. Joget Melayu.
44. Dondang Sayang.
45. Silat Melayu.
46. Ngajat.
47. Sumazau.
48. Sewang.
49. Rumah Terbuka Malaysia.
50. Tarian singa atas tiang.

